



6 Jun 2012
6 June 2012
P.U. (A) 170

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH INSURANS (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2012

INSURANCE (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSURANS 1996

PERINTAH INSURANS (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 198 Akta Insurans 1996 [Akta 553], Menteri, setelah menimbangkan bahawa fakta yang akan dikecualikan adalah selaras dengan maksud Akta ini dan demi kepentingan awam, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Insurans (Pengecualian) (No. 2) 2012**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“insurans MAT” ertinya risiko insurans yang berhubungan dengan perkapalan maritim antarabangsa, penerbangan perdagangan antarabangsa dan apa-apa liabiliti yang berpunca daripada risiko itu, dan risiko yang berhubungan dengan barang-barang dalam transit antarabangsa;

“Malaysia” ertinya Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur tetapi tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan;

“negara atau wilayah yang ditetapkan” ertinya sebuah negara atau wilayah yang berikut:

- (a) sebuah Negara Anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara yang merupakan penandatanganan kepada Protokol Bagi Melaksanakan Pakej Kelima Komitmen Perkhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Perkhidmatan ASEAN bertarikh 4 Mei 2011; dan
- (b) Wilayah Persekutuan Labuan; dan